



TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI MOHD SHAHABUDDIN BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

SEMPENA

**MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN PUBG MOBILE
SEMPENA SAMBUTAN MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN AWAM
SARAWAK
TAHUN 2020**

DI

KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK

PADA

05 OKTOBER 2020 (ISNIN)

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH
DAN SALAM SEJAHTERA,

TERIMA KASIH SAUDARA/ SAUDARI PENGACARA MAJLIS

YANG BERBAHAGIA ENCIK BANGES MUNGA
PENGARAH MAMPU CAWANGAN SARAWAK

YANG BERUSAHA PUAN AZURA BINTI HAJI SARBIN
PENGARAH JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI
SARAWAK

PARA PESERTA KEJOHANAN PERTANDINGAN DAN TUAN-
TUAN, PUAN-PUAN SEKALIAN.

1. ALHAMDULILLAH, SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEHADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA MAKA KITA DAPAT BERSAMA-SAMA BERKUMPUL DALAM MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN PUBG MOBILE SEMPENA SAMBUTAN MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2020 PADA PETANG INI.

2. TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN RASA SYUKUR DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PASUKAN (17 BUAH PASUKAN) YANG BERTANDING PADA HARI INI YANG TERDIRI DARIPADA 15 JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN DAN NEGERI.

TUAN-TUAN/ PUAN-PUAN YANG DIHORMATI
SEKALIAN,

3. SEPERTI TAHUN-TAHUN SEBELUM INI, MINGGU INOVASI DIANJURKAN SELARAS DENGAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENJADIKAN INOVASI SEBAGAI SALAH SATU AGENDA UTAMA NEGARA DALAM MENTRANSFORMASIKAN SEKTOR AWAM. INOVASI DAN TRANSFORMASI ADALAH ANTARA DUA PERKARA YANG TIDAK DAPAT DIPISAHKAN YANG KINI DIBERI PERHATIAN DALAM MEMACU STRATEGI-STRATEGI PELAKSANAAN BAGI MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU BERPENDAPATAN TINGGI. JUSTERU, ADALAH

MENJADI KEUTAMAAN KEPADA KITA, UNTUK TERUS MEMPERGIATKAN USAHA DALAM MENYEMARAKKAN LAGI BUDAYA INOVASI, MEMASTIKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG LEBIH CEPAT, CEKAP DAN BERKESAN.

4. DENGAN TEMA SAMBUTAN MINGGU INOVASI PADA TAHUN INI, ***“INNOVATION FOR SERVICE DELIVERY EXCELLENCE”*** ADALAH SELARI DENGAN AGENDA TRANSFORMASI KERAJAAN. TEMA INI ADALAH UNTUK MEMANDU ARAH TUJU PERKHIDMATAN AWAM DI SARAWAK DAN MENTERJEMAHKAN STRATEGI INI DI MANA INOVASI

SEBAGAI PEMANGKIN DALAM MEWUJUDKAN RUANG DAN PELUANG BAHARU KEPADA PENYAMPAIAN YANG BERKESAN SERTA MEMBERIKAN IMPAK KEPADA ORANG AWAM. INILAH MENJADI PEMACU UTAMA DALAM MEREALISASIKAN MUTU PERKHIDMATAN YANG TERBAIK.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

5. PENGHASILAN INOVASI DIKAITKAN DENGAN KEUPAYAAN PENCIPTAAN IDEA DAN INISIATIF STRATEGIK YANG BAHARU, UNIK DAN BERMANFAAT, SEKALI GUS BERFUNGSI SEBAGAI

PENCETUS PEMBANGUNAN SESUATU BIDANG.
MANAKALA KECEMERLANGAN DALAM SISTEM
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PULA MEMERLUKAN
SINERGI DI ANTARA MANUSIA, TEKNOLOGI DAN
ORGANISASI DALAM MENGHASILKAN SESUATU
INPUT YANG TERBAIK.

6. APA YANG DAPAT KITA KAITKAN DENGAN
PERTANDINGAN PADA PETANG INI ADALAH
INOVASI DAN KREATIVITI YANG DITUNJUKKAN
ADALAH DARI SEGI MERANCANG STRATEGI,
SEMANGAT BERPASUKAN, FOKUS, KOMUNIKASI/
INTERAKSI YANG BAIK DI DALAM SESEBUAH
PASUKAN. PERMAINAN INI MEMERLUKAN

INTERKASI DAN KERJASAMA YANG GITU DI ANTARA PEMAIN-PEMAIN. SELAIN ITU, PERMAINAN INI MELATIH MINDA PEMAIN-PEMAIN SENTIASA DALAM KEADAAN BERSEDIA UNTUK BERFIKIR DAN MEMBUAT KEPUTUSAN YANG BAIK DENGAN PANTAS (*DECISION MAKING PROCESS*) DALAM MENCAPAI SESUATU MISI ATAUPUN MEMENANGI SATU PERMAINAN DISAMPING MEMPUNYAI STRATEGI YANG BAIK. DALAM MENCAPAI MISI TERSEBUT, INTERAKSI/ KOMUNIKASI YANG BAIK DI ANTARA PEMAIN-PEMAIN DALAM MEMBERI ARAHAN SERTA STRATEGI MENDORONG SESUATU KEJAYAAN.

7. BEGITU JUGA DENGAN PENYAMPAIAN KITA DI DALAM PERKHIDMATAN AWAM. PENJAWAT AWAM PERLU TERUS MENCIPTA KEJAYAAN DALAM MENGETENGAHKAN PELBAGAI IDEA DAN PROJEK INOVASI DENGAN CARA BEKERJA SECARA BERPASUKAN SEPERTI YANG DITONJOLKAN DALAM KEJOHANAN INI. SEMANGAT INI MESTILAH MERENTASI BAHAGIAN MAHUPUN AGENSI DALAM MENUNAIKAN AMANAH KE ARAH MENSEJAHTERAKAN PERKHIDMATAN AWAM. BAGI MEREALISASIKAN AGENDA INI, SETIAP PENJAWAT AWAM DIANGGAP SEBAGAI AGEN TRANSFORMASI MELALUI PENDEKATAN YANG INOVATIF DAN KREATIF. PENJAWAT AWAM

PERLU SENTIASA DINAMIK DENGAN SENTIASA BERFIKIR KE ARAH PENAMBAHBAIKAN PENYAMPAIAN DALAM PROSES MEMBUAT PERUBAHAN YANG MANA DAPAT MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN KEBERKESANAN PERKHIDMATAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

8. PADA KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH SAYA KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN SAMBUTAN MINGGU INOVASI PERKHIDMATAN

AWAM SARAWAK TAHUN 2020. TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SARAWAK DAN MAMPU CAWANGAN SARAWAK DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI. TANPA KERJASAMA ERAT DARIPADA SEMUA PIHAK, PROGRAM PADA HARI INI TIDAK MUNGKIN AKAN BERJAYA DILAKSANAKAN. TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA.

9. SEKALI LAGI TAHNIAH KEPADA SEMUA PASUKAN TERLIBAT DALAM PERTANDINGAN PUBG MOBILE PADA HARI INI. KEPADA YANG MENANG, ANDA BERHAK UNTUK MEMENANGI PERTANDINGAN PADA HARI INI, KEPADA PASUKAN YANG TIDAK BERJAYA

ANDA BOLEH CUBA LAGI PADA TAHUN HADAPAN.
GAGAL SEKALI BUKAN BERERTI GAGAL
SELAMANYA.

10. AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN
MENGINGATKAN AGAR PENJAWAT AWAM TIDAK
JEMU UNTUK TERUS BERINOVASI DAN Mencari
IDEA-IDEA BAHARU SERTA JIKA BOLEH
KURANGKAN KARENAH BIROKRASI DALAM
MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN DENGAN LEBIH
BAIK. PENGHASILAN KERJA KITA JUGA PERLU
BERTERASKAN OUTCOME DENGAN KESAN YANG
SIGNIFIKAN, NILAI TAMBAH SERTA PENINGKATAN
SECARA BERGANDA. SAYA BERHARAP, INOVASI

DAN KREATIVITI AKAN SENTIASA MENJADI ASAS
KEPADA PENJAWAT AWAM DALAM
MEMPERTINGKATKAN LAGI PRESTASI KERJA,
KUALITI DAN PRODUKTIVITI.

11. DENGAN LAFAZ
BISMILLAHHIRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN
SUKACITANYA MERASMIKAN MAJLIS PENUTUPAN
KEJOHANAN PUBG SAMBUTAN MINGGU INOVASI
PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK TAHUN 2020.

12. SEKIAN, TERIMA KASIH. WABILLAHITAUFIQ
WAL HIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.

